

AAB

Mahathir - Keputusan

BN TANGGUHKAN KEPUTUSAN PERMOHONAN DUA PARTI SERPIHAN PER

KOTA KTNABAIU, 31 Mei (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) menangguhkan keputusannya berhubung dengan permohonan dua parti serpihan Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk menyertainya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN berkata, BN masih menilai sokongan rakyat terhadap kedua-dua parti itu.

"Tidak guna kalau kita terima mereka jika mereka tidak mempunyai sokongan rakyat," katanya pada persidangan akhbar di sini sebelum berlepas pulang ke ibu negara.

Beliau berkata, BN menyedari bahawa kedua-dua parti itu, Parti Demokratik Sabah (PDS) dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) sudah bekerja keras untuk menarik sebanyak sokongan yang mungkin.

"BN mahu melakukannya (membuat keputusan) dengan penuh kesabaran kerana ia membabitkan masa depan Sabah," kata beliau dan menambah kata bahawa kelewatan membuat keputusan itu bukanlah sesuatu yang disengajakan. -- Lagi.

▼31/05/20-14MST

CNS0061

U PB 31-05 00116 BH259

AAB

Mahathir - Keputusan 2 Kota Kinabalu

Dr Mahathir berkata, BN tidak mahu tergopoh-gopoh mengenai perkara itu kerana berpendapat jika berlaku sesuatu yang tidak baik nanti, ia sukar diperbetulkan.

"Untuk memperbetulkan yang tidak baik lebih susah daripada membuat sesuatu yang dapat diterima semua (pihak) dari awal," tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, BN akan mengadakan mesyuaratnya secepat mungkin untuk memutuskan perkara itu.

Mengenai kekosongan satu lagi jawatan Timbalan Ketua Menteri, Dr Mahathir berkata, ia memang dikhaskan kepada wakil masyarakat Kadazan/Dusun.

"Kita akan timbang dahulu kerana ini (jawatan) memang untuk mereka. Kita sudah berjanji yang kerajaan BN Sabah tidak boleh diblot mana-mana satu kaum sahaja," katanya. -- Lagi.

▼31/05/20-16MST

CNS0065

U PB 31-05 00158 BH260

AAB

Mahathir - Keputusan 3 Kota Kinabalu

Dr Mahathir membayangkan bahawa jawatan itu kemungkinan besar akan diberikan kepada wakil PDS atau PBRS kerana menurutnya pemimpin Kadazan/Dusun dan BN yang sedia ada sudah diberikan jawatan.

"Yang sudah ada dalam BN kita sudah pilih jadi kalau yang lain masuk dan dia tiada tempat maka tiada maknalah," tambahnya.

Mengenai tentangan Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR) terhadap kemungkinan penerimaan PDS dan PBRS, Dr Mahathir berkata, sebagai anggota BN, mereka boleh mempunyai pendapat sendiri tetapi menambah kata BN kebiasaannya membuat keputusan melalui muafakat.

"Kita akan timbang pendapat mereka sama ada ia berasas atau tidak. Kalau berasas, kita ikut kata mereka tetapi kalau tidak dan jika untuk kepentingan BN kita perlu terima mereka (PDS dan PBRS), kita akan terima mereka," tambahnya.

Dr Mahathir bagaimanapun menjelaskan bahawa kenyataan mengenai isu itu yang disifatkan sebagai positif tidaklah bermakna kedua-dua parti berkenaan pada dasarnya sudah diterima. -- Lagi.

▼31/05/20-20MST

CNS0066

U PB 31-05 00143 BH261

AAB

Mahathir - Keputusan 4 (Akhir) Kota Kinabalu

"Kalau saya buat kenyataan terlalu awal, tidak bermaknalah mesyuarat BN nanti dan kalau saya kata tiada harapan pula, pun tak gunalah bermesyuarat lagi," katanya.

Bagaimanapun pemerhati politik berpendapat peluang PDS yang diketuai oleh bekas Timbalan Ketua Menteri dan bekas timbalan presiden PBS lebih cerah berbanding dengan PBRS yang dipimpin bekas setiausaha agung PBS, Datuk Joseph Kurup.

PDS kini mempunyai 12 orang Anggota Dewan Undangan Negeri iaitu yang teramai antara tiga parti masyarakat Kadazan/Dusun.

Sementara itu, presiden AKAR, Datuk Mark Koding berkata, parti itu sudah mengemukakan satu memorandum kepada Perdana Menteri mengenai pendirian mereka. Memorandum itu diserahkan hari ini.

Beliau berkata, memorandum itu juga antara lain menjelaskan intipati perjuangan AKAR, latar-belakangnya dan sumbangan yang dapat mereka berikan sebagai anggota komponen BN. -- Bernama.

ZAA KAM.